

I. KENYATAAN TAWARAN

**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**


**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**


**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA
SENJATA KOLEJ VOKASIONAL KULIM**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan** di bawah **Kepala dan Sub-Kepala 220801 (Kawalan Keselamatan)** yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Sebut Harga ini adalah bagi kolej seperti Jadual di bawah:

BIL	KOD SEBUT HARGA	NAMA KOLEJ	TEMPOH KONTRAK	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
1	KVK/SH09/2016	KOLEJ VOKASIONAL KULIM	1 JANUARI 2017 HINGGA 31 DISEMBER 2017 (12 BULAN)	TARIKH: 26/10/2016 MASA: 10.00PAGI TEMPAT: BILIK MESYUARAT LUKMAN AL HAKIM	MONEY ORDER/ BANKERS CHEQUE HARGA DOKUMEN: RM 40.00	TARIKH TUTUP: 13/11/2016 TEMPAT: PEJABAT KOLEJ VOKASIONAL KULIM

3. Penyebut Harga-penyebut Harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menyerahkan **Bankers Cheque/ Money Order** bernilai RM40.00 atas nama **Pengetua, Kolej Vokasional Kulim** bagi pembelian setiap sebut harga yang dipohon. Wang tunai dan cek-cek persendirian tidak akan diterima. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
4. Semasa Taklimat Sebut Harga dan Pembelian Dokumen sebut harga, penyebut harga-penyebut harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
 - a. Sijil dan Lesen (Borang B) Menjalankan Urusan Agensi Persendirian dari Kementerian Dalam Negeri yang sah dan masih berkuatkuasa yang membuktikan syarikat mempunyai alamat berdaftar di negeri yang ditetapkan iaitu **Kawasan Utara – Perlis, Kedah, Pulau**




BAKHORI BIN YOB@MAAROF
Pengetua
Kolej Vokasional Kulim
Kedah Darul Aman,

Pinang dan Perak. Salinan hendaklah DIAKUI SAH oleh Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri.

- b. Sekiranya penyebut harga tidak mempunyai alamat berdaftar seperti di perenggan 4 (a), penyebut harga perlu mengemukakan **Surat Kelulusan Membuka Cawangan dari Kementerian Dalam Negeri** yang menyatakan alamat cawangan di negeri yang ditetapkan iaitu **Kawasan Utara – Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.** Salinan hendaklah **DIAKUI SAH oleh Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri.**
5. Setiap penyebut harga yang hendak memasuki sebut harga adalah **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT SEBUT HARGA dan LAWATAN TAPAK. Selaras dengan arahan Kerajaan , 1 Pekeliling Perbendaharaan: PK 2/2013 , Penyebut Harga yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak MESTILAH terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat , Kementerian Kewangan Malaysia.** Sila bawa bersama Salinan Borang 49, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang DIAKUI SAH oleh SSM / Pesuruhjaya Sumpah bagi Lembaga Pengarah semasa menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak. Syarikat yang telah menghadiri taklimat sebut harga sahaja dibenarkan membeli satu Dokumen Sebut Harga bagi satu tawaran.
6. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. **Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan “Tawaran Teknikal” dan “Tawaran Kewangan” di sebelah kiri atas sampul** Kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar beralamat seperti berikut:

Kepada :

**PENGETUA
KOLEJ VOKASIONAL KULIM
JALAN JUNJONG, 09000 KULIM
KEDAH**

Kod Sebut Harga : KVK/SH09/2016

Tawaran Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga selewat-lewatnya pada tarikh tutup Sebut Harga jam 12.00 tengah hari pada atau sebelum 13/11/2016

7. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
- a. Penyebut Harga **GAGAL** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak;
 - b. Penyebut Harga **LEWAT** mengemukakan dokumen tawaran sebut harga;
 - c. Penyebut Harga **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib dengan lengkap seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebut Harga;
 - d. Penyebut harga **TIDAK** mempunyai ibu pejabat / pejabat cawangan berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di **Kawasan Utara – Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak;** dan

- e. Syarikat yang mempunyai rekod / prestasi buruk (surat amaran terakhir) dari Kementerian Dalam Negeri atau agensi kerajaan yang lain.
8. Di antara **KRITERIA UTAMA** yang akan diberi pertimbangan adalah penyebut harga seperti berikut:
- a. Penyebut Harga mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan untuk menampung kos operasi bersamaan dua (2) bulan tuntutan bulanan perjanjian;
 - b. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **Sijil dan Lesen (Borang B) Menjalankan Urusan Agensi Persendirian** dari Kementerian Dalam Negeri yang sah dan masih berkuatkuasa yang membuktikan syarikat mempunyai alamat berdaftar di negeri yang ditetapkan iaitu **Kawasan Utara – Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak** atau **Surat Kelulusan Membuka Cawangan** daripada Kementerian Dalam Negeri yang menyatakan alamat cawangan di kawasan tersebut. **Salinan hendaklah DIAKUI SAH oleh Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri.** dan
 - c. Penyebut Harga mempunyai pengawal keselamatan yang telah mendapat sijil ***Certified Security Guards (CSG)*** akan diberikan keutamaan.
9. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
10. Keputusan sebut harga ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.